

# HUBUNGAN (Part 3)

Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi

## CIRI HUBUNGAN

### 1) Kesamaan

Biasanya persamaan ini dilihat dari segi kepercayaan dan agama. Mereka yang mempunyai persamaan dari aspek agama dan bangsa lebih mudah merasa kejeleketan dalam perhubungan. Antara sebab lain yang menyebabkan persamaan ialah minat, nilai dan personaliti. Contohnya, minat pada aktiviti yang sama, menjadikan penarikan antara satu sama lain yang lebih kuat. Ini juga bermakna, mereka yang mempunyai kesamaan dalam arena politik lebih rapat antara satu sama lain berbanding dengan mereka yang berlainan ideologi. Dalam perhubungan ini mereka saling melengkapi antara satu lain.

### 2) Sistem keperluan penghargaan

Tarikan berlaku kepada mereka yang bukan dari kelompok tapi saling memenuhi keperluan masing-masing. Contohnya mereka yang banyak mulut akan mencari pasangan yang agak pendiam untuk meneutralkan keadaan.

### 3) Tarikan fizikal

Contoh tarikan secara fizikal ialah interaksi heteroseksual, lelaki yang didampingi wanita cantik mendapat impresi yang baik dari orang lain. Individu yang cantik dikatakan mempunyai interaksi sosial yang lebih memuaskan.

### 4) Kecerdikan

Kecerdikan atau kepandaian adakalanya menjadi faktor yang lebih penting daripada tarikan fizikal dalam menentukan tertariknya orang lain terhadap dirinya. Ini kerana, kecerdikan dapat digeneralisasikan kepada ciri-ciri lain. Biasanya orang bijak mempunyai ramai kenalan dan orang suka untuk mendekati mereka.

5) Sikap yang baik dan menyenangkan

Lumrah manusia untuk mempunyai kawan dan sahabat yang baik dan jujur daripada kawan yang boleh menikam dari belakang. Kita juga mudah untuk tertarik dengan mereka yang mudah untuk tersenyum dan ketawa daripada mereka yang sentiasa masam dan garang.

6) Kedekatan

Manusia mudah berkawan atau mempunyai perhubungan dengan mereka yang berada disekeliling mereka dari mereka yang berada jauh. Kita akan lebih mudah untuk menjalin hubungan dengan mereka yang dekat kesan dari jarak yang dekat. Ini berlaku kerana kesan fenomena yang berulang menyebabkan berlakunya konteks visual dan lisan yang membawa kepada interaksi dan perhubungan yang kerap.